



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

**SIARAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR**

7 MEI 2023

**YBM NRECC TURUN PADANG KE KAWASAN BERISIKO
TERBAKAR DI JOHAN SETIA, KLANG SELANGOR**

Putrajaya, 7 Mei 2023 – YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) hari ini telah turun padang ke Kawasan Revolusi Hijau Johan Setia, Klang Selangor dengan diiringi oleh Encik Wan Abdul Latiff Bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar bagi melihat kaedah pemantauan dan tindakan dalam menangani serta mencegah kebakaran di kawasan berisiko serta mudah terbakar (fire prone) iaitu tanah gambut di situ yang dijalankan di bawah Program Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan agensi-agensi pelaksana lain seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), pihak Bomba dan Penyelamat serta Pihak Berkuasa Tempatan di Daerah Klang.

Turut hadir bersama YB Hee Loy Sian, Exco Pelancongan, Alam Sekitar & Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Selangor dan YBhg. Dato' Mohamad Razif Haji Abd Mubin, Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga, Alam Sekitar & Perubahan Iklim).

YB Menteri secara lebih dekat telah melihat gerak kerja dan tindakan yang dijalankan oleh JAS bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggunakan infrastruktur bagi mencegah kebakaran di tanah gambut seperti sekatan saliran (check dam) untuk menyekat aliran air sungai/parit dan telaga bawah tanah (tube well) untuk menyalurkan air bagi meningkatkan paras air tanah serta melembapkan kawasan tanah gambut agar tidak mudah terbakar.

Di samping itu juga YB Menteri turut melihat kaedah pemantauan yang dilaksanakan oleh JAS dan PBT Daerah Klang serta pihak komuniti setempat melalui rondaan menggunakan kenderaan dan pemantauan melalui udara menggunakan dron bagi menangani masalah kebakaran yang sering terjadi di Johan Setia, Klang.

Sejajar dengan pengaktifan Pelan Tindakan Operasi (PTO) Pencegahan Pembakaran Terbuka dan Kebakaran Tanah Gambut pada 29 Mac 2023, YB Menteri juga telah diberikan penerangan berhubung proses yang dilaksanakan bagi meningkatkan pemantauan di kawasan tanah gambut dan kawasan-kawasan lain yang mudah terbakar seperti tapak pelupusan sampah.

NRECC turut mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (PTPTK) pada 2 April 2023 yang melibatkan tindakan-tindakan oleh agensi-agensi berkaitan yang melibatkan jabatan dan kementerian lain dalam pemantauan, pencegahan dan pemadaman pembakaran terbuka di dalam negara.

KUALITI UDARA 7 MEI 2023

Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman web Jabatan Alam Sekitar pada hari ini **jam 8 pagi** menunjukkan 43 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 25 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. Tiada kawasan yang mencatatkan bacaan status kualiti udara pada tahap tidak sihat.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di ‘Google Play’ .

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* pada 6 Mei 2023, bilangan titik panas (hotspot) yang dikesan melalui imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 20* di Kalimantan, Indonesia adalah sebanyak 6 titik panas (hotspot), manakala tiada titik panas (hotspot) dikesan di Sumatera, Indonesia. Selain itu, sebanyak 1 titik panas (hotspot) dikesan dalam negara iaitu di negeri Sarawak (1) akan disiasat dan diambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya.

PERSEDIAAN MENGHADAPI CUACA PANAS DAN KERING

Dalam bulan Mei 2023 keadaan cuaca Negara dijangkakan akan dipengaruhi oleh fasa Monsun Barat Daya. Dalam tempoh Monsun Barat Daya yang biasanya bermula pada pertengahan Mei hingga September, kejadian ribut petir dan hujan lebat dijangka berkurangan dan kebanyakan negeri akan mengalami lebih banyak bilangan hari tanpa hujan.

Dalam tempoh cuaca kering ini, adalah dikhawatiri kejadian pembakaran terbuka akan berlaku peningkatan terutamanya di kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti di kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah. Jabatan Alam Sekitar telah bersiap siaga mengambil beberapa langkah terutamanya untuk menangani isu pembakaran terbuka yang merupakan antara punca yang menyebabkan kemerosotan kualiti udara, keadaan jerebu setempat dan menjelaskan kesihatan awam.

Tidak dinafikan bahawa pelepasan dari aktiviti perindustrian dan kenderaan bermotor juga turut menyumbangkan kepada kemerosotan udara terutama di kawasan Lembah Kelang dan kawasan perindustrian. Namun dari analisis dan rekod JAS, pembakaran terbuka biojisim (biomass) adalah punca utama yang menyebabkan jerebu tempatan.

Bagi menangani kejadian kebakaran yang berlaku JAS telah mengambil langkah-langkah persediaan seperti berikut:

- a) Telah meningkatkan pemantauan dan rondaan operasi mencegah pembakaran terbuka melalui darat dan menggunakan drone;
- b) Mengambil tindakan tegas bagi kawasan kebakaran yang telah berlaku dan mengenalpasti pemilik tanah kawasan kebakaran yang terlibat untuk tindakan perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974;
- c) Bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi mengawal kes-kes kebakaran yang berlaku;
- d) Sentiasa memantau bacaan dan tren IPU stesen pengawasan udara dari semasa ke semasa untuk tindakan selanjutnya; dan

e) JAS turut giat mengadakan program kempen kesedaran awam terutama kepada pemilik peladang dan juga penduduk kampung agar tidak melakukan pembakaran terutama ketika cuaca panas dan kering melalui program-program komuniti dan tidak ketinggalan juga melalui media sosial dan media massa.

Bagi menangani cuaca panas dan kering, setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana jerebu juga **telah mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan ke atas aktiviti pembakaran terbuka** yang berpotensi menyebabkan jerebu di peringkat tempatan. Selain itu, pihak **Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan semua pemilik tanah dinasihatkan memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri** dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Tindakan tegas akan diambil kepada mana-mana pihak yang tidak bertanggungkawab menyebabkan pembakaran terbuka termasuk pemilik tanah. Di bawah Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh

tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**. Sebarang kes kebakaran yang berlaku di kawasan perumahan hendaklah dilaporkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan masing-masing.

-TAMAT

**Jabatan Alam Sekitar
7 Mei 2023**